



**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88832539
Faks : 03-88833817

Ruj. Kami : KKM 500/3/4/10 Jld.10 (42)
Tarikh : 12 Oktober 2022

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

PENGUMUMAN TAWARAN MENGIKUTI KURSUS DALAM PERKHIDMATAN SECARA SEPENUH MASA BAGI SESI AKADEMIK 2023/ 2024 DI BAWAH PENAJAAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA DENGAN KEMUDAHAN:

- i) CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH DENGAN/ TANPA HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN BAGI PEGAWAI-PEGAWAI LANTIKAN TETAP**
- ii) PROGRAM LATIHAN KEPAKARAN DENGAN BIASISWA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BAGI PEGAWAI-PEGAWAI LANTIKAN KONTRAK**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempelawa pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan untuk mengemukakan pencalonan daripada pegawai-pegawai lantikan tetap/ kontrak KKM yang memenuhi syarat permohonan bagi mengikuti kursus dalam perkhidmatan bagi sesi akademik 2023/ 2024.

3. Pegawai hanya boleh memilih **salah satu** permohonan sahaja bagi tawaran berikut:

JENIS TAWARAN	KETERANGAN
TAWARAN A	<u>SARJANA PERGIGIAN</u> i. Pegawai Pergigian Tetap – Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) dengan/ Tanpa HLP ii. Pegawai Pergigian Kontrak – Program Latihan Kepakaran (PLK) dengan Biasiswa KKM

JENIS TAWARAN	KETERANGAN
TAWARAN A	<p><u>SARJANA (SELAIN SARJANA PERUBATAN)/ PH.D/ AREA OF SPECIAL INTEREST (BAGI PAKAR PERGIGIAN)</u></p> <p>Terbuka kepada pegawai kumpulan P&P (Bukan Gunasama) lantikan KKM untuk kategori Cuti Belajar berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) dengan HLP; ii. Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) Tanpa HLP; ATAU iii. Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG) Tanpa HLP. <p><i>(Permohonan Cuti Belajar dengan Tajaan Luar dan CBTG tanpa HLP tidak lagi dibuka sepanjang tahun dan perlu dimohon melalui Tawaran A sahaja)</i></p>
TAWARAN B	<p><u>SARJANA PERUBATAN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai Perubatan Tetap – Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) dengan HLP ii. Pegawai Perubatan Kontrak – Program Latihan Kepakaran (PLK) dengan Biasiswa KKM
TAWARAN D	<p><u>PARALLEL PATHWAY</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai Perubatan Tetap – HLP ii. Pegawai Perubatan Kontrak – Program Latihan Kepakaran (PLK) dengan Biasiswa KKM

4. Syarat-syarat permohonan dan maklumat lengkap mengenai tawaran ini boleh diakses melalui sistem e-HLP KKM di laman sesawang: <http://ehlp.moh.gov.my> mulai jam 3.00 petang, 31 Oktober 2022 hingga 30 November 2022. Iklan penawaran akan dijalankan secara dalam talian sepenuhnya. Keputusan calon berjaya dijangka akan diumumkan pada bulan April/ Mei 2023 melalui sistem e-HLP KKM setelah semua urusan saringan selesai dan dimuktamadkan (tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa).

5. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah diharapkan dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK HARJEET SINGH)

Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

Salinan Kepada:

Ketua Pengarah Kesihatan

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

Setiausaha Sulit Kanan Kepada YB Menteri Kesihatan

Setiausaha Sulit Kanan Kepada YB Timbalan Menteri Kesihatan 1

Setiausaha Sulit Kanan Kepada YB Timbalan Menteri Kesihatan 2

Senarai Edaran

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)

Pengarah Kanan
Program Kesihatan Pergigian

Pengarah Kanan
Program Perkhidmatan Farmasi

Pengarah Kanan
Program Keselamatan Dan Kualiti Makanan

Pengarah
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu

Pengarah
Bahagian Kejururawatan

Ketua Penolong Pegawai Perubatan Malaysia
Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan Malaysia
Bahagian Amalan Perubatan KKM

Ketua Profesion Pengajar KKM

Semua Pengarah Kesihatan Negeri